



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI**

ASAS KEUSAHAWANAN ETR300

SYARIKAT BUMIJAYA

DISEDIAKAN OLEH:

HAZLINA BINTI HASSAN

NOR IDAYU SHAFIZA MOHAMAD NAJIB

NURDIANA AHMAD ZUBIR

MAS NORASHIKAIN MD. SATAR

AIDA FARIZAN AMAUDDIN

25 MAC 2000

ISI KANDUNGAN

- 1. SINOPSIS PERNIAGAAN**
- 2. PENGHARGAAN**
- 3. PENGENALAN**
- 4. TUJUAN PERNIAGAAN**
- 5. LATAR BELAKANG
PERNIAGAAN,
PERKONGSIAN DAN
PEKONGSI**
- 6. RANCANGAN PENTADBIRAN**
- 7. RANCANGAN PEMASARAN**
- 8. RANCANGAN OPERASI**
- 9. RANCANGAN KEWANGAN**
- 10. RUMUSAN**
- 11. LAMPIRAN**

SINOPSIS RANCANGAN PERNIAGAAN

Rancangan perniagaan ialah satu pelan induk yang menggambarkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memulakan dan memajukan perniagaan. Syarikat BUMIJAYA menjalankan perniagaan stesen minyak yang menggunakan sistem francais. Melalui sistem francais ini, sesuatu perniagaan diberikan hak atau kebenaran oleh firma induk untuk menjalankan perniagaan dengan menggunakan format perniagaan yang diperkenalkan oleh firma induk.

Keuntungan yang diperolehi daripada sistem francais tidaklah begitu banyak tetapi ia mempunyai kadar jualan yang agak terjamin berbanding dengan perniagaan lain sebaik sahaja memasuki pasaran kerana sudah dikenali ramai.

Terdapat 4 unsur penting di dalam rancangan perniagaan ini iaitu rancangan pentadbiran, rancangan pemasaran, rancangan operasi dan rancangan kewangan yang menerangkan pelan tindakan yang akan diambil untuk mencapai objektif perniagaan, kaedah untuk melaksanakannya dan juga kawalan ke atas perniagaan yang dapat memastikan penyelewengan atau kesilapan tidak akan berlaku.

Di antara semua strategi yang dinyatakan, strategi pemasaran perlu diberikan keutamaan begitu juga kewangan. Ini kerana rancangan perniagaan tidak akan tercapai tanpa strategi pemasaran yang teratur. Begitu juga dengan kewangan, di mana anggaran yang dibuat penting untuk membolehkan kita mengetahui dan menganggarkan sumber, jumlah masa dan wang atau pendapatan yang diterima dan meramalkan jumlah wang dan masa yang diperlukan untuk pembayaran.

PENGENALAN

Syarikat Bumijaya adalah merupakan hasil perkongsian modal, matlamat dan usaha daripada 5 orang individu yang merupakan pemilik-pemilik Syarikat Bumijaya. Terlebih dahulu perlulah rasanya diterangkan maksud istilah ‘Bumijaya’ yang digunakan. ‘Bumi’ yang pertamanya adalah membawa maksud bahawa peneraju-peneraju syarikat ini adalah terdiri daripada bumiputera Malaysia. Selain itu ‘Bumi’ juga bermaksud bahawa syarikat ini ingin meluaskan perniagaannya seluas mungkin sehingga di pasaran antarabangsa. Seterusnya pula ialah istilah ‘Jaya’ yang bermaksud berjaya, di mana dapatlah ditafsirkan sebagai bukan sahaja berjaya dari segi kekukuhan aspek perniagaan malahan turut berjaya dari pelbagai aspek-aspek yang lain dengan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata selaras dengan kehendak Islam.

Syarikat kami mempunyai 2 logo iaitu:

1. Logo Syarikat Bumijaya sendiri (logo perkongsian)
2. Logo komersial yang terdapat pada premis perniagaan kami iaitu stesen minyak yang menunjukkan kerjasama di antara Petronas.

HURAIAN TENTANG WARNA-WARNA DAN BENTUK LOGO YANG DIGUNAKAN

HITAM

↳ Kekuatan yang wujud hasil dari kombinasi di dalam aspek teknikal dan pengurusan di dalam firma kami.

UNGU

TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN

1. Sebagai garis panduan bagi mengurus perniagaan

Langkah-langkah yang harus diambil serta garis panduan yang mesti diikuti oleh syarikat dijelaskan.

2. Membantu membuat keputusan

Maklumat-maklumat mengenai polisi, prosedur, program, dan strategi akan membantu pihak pengurusan untuk membuat keputusan kerana telah dihuraikan langkah-langkah yang harus diikuti.

3. Memudahkan kawalan perniagaan

Rancangan perniagaan memudahkan kawalan atas semua aspek perniagaan. Sekiranya berlaku penyelewengan, penyiasatan dan penganalisan dapat dibuat dan selanjutnya pembedahan atau tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

4. Mengelakkan atau mengurangkan kesilapan

Setiap kakitangan di dalam firma perniagaan akan menjalankan tugas mengikut rancangan perniagaan. Hal ini dapat mengurangkan atau mengelakkan kesilapan dan penyelewengan yang akan membawa kepada pembaziran dan kerugian.

5. Meyakinkan pihak tertentu mengenai perniagaan

Rancangan perniagaan adalah alat yang menerangkan maklumat mengenai sesuatu perniagaan. Perancangan yang rapi ini akan dapat meyakinkan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan seperti pelabur, pemiutang, pihak bank, syarikat kewangan, dan lain-lain untuk menyokong firma. Rancangan